



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN MRSM IMTIAZ YT KETENGAH,
TERENGGANU**

**DEWAN MRSM IMTIAZ YT KETENGAH,
TERENGGANU**

**9 APRIL 2016 (SABTU)
WAKTU KETIBAAN : 11.00 PAGI**

SALUTASI SEWAJARNYA

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera.

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana masih lagi diberikan kesempatan dan peluang untuk sama-sama berhimpun dalam majlis perasmian Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) IMTIAZ YT KETENGAH yang baru memulakan operasinya tahun ini. Diharap majlis kita pada pagi ini akan diberkati dan semoga niat kita untuk menyediakan sebuah lagi MRSM yang unggul akan diberkati oleh Allah SWT.
2. Pada hari ini, bukan sahaja saya amat berbangga kerana dapat bersama-sama berkumpul di majlis yang penuh bersejarah ini untuk menyaksikan majlis perasmian MRSM IMTIAZ YT KETENGAH oleh YAB Menteri Besar Terengganu malah detik ini sesungguhnya amat dinantikan oleh seluruh warga MARA khususnya pelajar-pelajar sulung MRSM ini sendiri.
3. Pada kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak berkuasa tempatan khususnya kepada Yayasan Terengganu kerana sudi menjalin kerjasama dan menerima kehadiran sebuah lagi MRSM di negeri Terengganu ini. Saya amat menghargai bantuan daripada semua pihak yang terlibat dan Insya-Allah, dengan pembukaan MRSM IMTIAZ YT KETENGAH ini akan memberi peluang kepada lebih ramai pelajar Bumiputera untuk melanjutkan pelajaran dalam sistem pendidikan menengah MARA.
4. Di Terengganu kini, terdapat 5 buah MRSM; iaitu MRSM Kuala Terengganu (1978), MRSM Kuala Berang (1987), MRSM Kota Putra (1998), MRSM Besut (2004) dan **pembukaan MRSM IMTIAZ YT KETENGAH merupakan MRSM yang ke-5 di Terengganu dan MRSM ke-51 yang mula beroperasi di bawah sistem pendidikan MARA.** Sesungguhnya dengan wujudnya MRSM yang ditubuhkan berdasarkan jalinan kerjasama antara **MARA dan Yayasan Terengganu** ini merupakan manifestasi keprihatinan yang murni antara kedua-dua agensi terhadap perkembangan dunia pendidikan hari ini.

5. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga MRSM kerana telah berjaya merealisasikan satu amanah rakyat yang begitu ampuh, yang boleh kita banggakan. Sesungguhnya majlis pada hari ini menjadi usaha atau prakarsa pembangunan minda dan menjadi saksi kepada kejayaan dalam perkembangan dunia pendidikan.

6. Kehadiran Menteri Besar Terengganu yang akan merasmikan pembukaan MRSM YT KETENGAH ini juga merupakan simbolik kepada kesinambungan tradisi keprihatinan pembesar terhadap kesejahteraan dan kemakmuran rakyat. Majlis ini juga menunjukkan bahawa ketua pemerintah berjiwa rakyat yang mempunyai keprihatinan dan kecaknaan yang amat tinggi dalam memastikan pembangunan di seluruh negeri berjalan dengan pesat khususnya dari aspek pendidikan.

SISTEM PENDIDIKAN TERBAIK MARA

7. Sistem pendidikan MRSM kini telah maju ke hadapan dalam melahirkan golongan pelajar cemerlang yang berkualiti dan holistik. Untuk itu, MRSM telah menawarkan sijil peperiksaan peringkat antarabangsa, iaitu *Cambridge International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE). Untuk melahirkan ahli profesional, teknokrat dan usahawan yang berlatar belakang Sains dan Tahfiz Al-Quran serta berkemahiran dalam bidang keagamaan berlandaskan al-Quran dan Al-Sunnah, program Ulul albab turut ditawarkan dan sehingga kini, alhamdulillah, kita telah melahirkan seramai **890** al-huffaz.

8. Pelbagai program yang dirancang dan dilaksanakan dalam memastikan kita dapat melahirkan modal insan yang holistik dan dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan yang bertaraf dunia iaitu *Middle Year Programme* (MYP) yang menawarkan *stand alone programmes* dan tiga buah MRSM telah menjadi perintis untuk dijadikan IB *World School* iaitu MRSM Tun Mohamad Fuad Stephens, MRSM Tun Dr Ismail dan MRSM Balik Pulau. Selain itu, MRSM turut menawarkan program teknikal iaitu MRSM Bentong.

9. Dengan pelbagai program yang ditawarkan di MRSM maka MRSM telah menjadi antara pilihan utama untuk para pelajar meneruskan pengajian di peringkat menengah.

10. Pada tahun ini permohonan yang diterima untuk kemasukan ke **tingkatan 1** ialah sebanyak **52,385** permohonan manakala untuk pengambilan ke **tingkatan 4**, sebanyak **21,084** permohonan yang diterima. Jumlah ini menunjukkan peningkatan permintaan terhadap MRSM saban tahun. Saya yakin jumlah permintaan yang tinggi ini adalah disebabkan MRSM yang terus unggul mencipta kecemerlangannya dalam pelbagai aspek.

11. Dengan pelbagai program yang ditawarkan dan bilangan permohonan yang meningkat saban tahun maka pembukaan satu lagi MRSM ini sememangnya wajar dan amat signifikan dalam membangunkan dan melahirkan pelajar-pelajar Bumiputera yang berpotensi. Lebih jauh daripada itu, penubuhan MRSM ini ternyata telah membantu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat terutama dari kawasan luar bandar dan ini diterjemahkan melalui peningkatan kehidupan mereka ke tahap yang jauh lebih baik.

LEGASI KECEMERLANGAN : PENUBUHAN MRSM IMTIAZ YT KETENGAH

12. Penubuhan MRSM IMTIAZ YT KETENGAH, secara tidak langsung menterjemahkan betapa pihak kerajaan sentiasa menitikberatkan sektor pendidikan dengan membuka peluang pendidikan yang berkualiti untuk memastikan generasi yang dilahirkan daripada acuan ini akan mampu bersaing dalam arus pembangunan global masa kini. Saya sentiasa berdoa agar MRSM akan terus mencatat pencapaian yang cemerlang dan seterusnya mendapat pengiktirafan di peringkat negara dan antarabangsa.

13. MRSM yang telah memulakan operasi pada 7 Mac 2016 dan ditubuhkan berdasarkan jalinan kerjasama antara MARA dan Yayasan Terengganu ini merupakan transformasi Sekolah Menengah IMTIAZ kepada Sistem Pendidikan MRSM dan ini adalah inisiatif atau strategi lautan biru (Blue Ocean Strategy) antara MARA dan Yayasan Terengganu. Sebelum ini terdapat MRSM yang telah diwujudkan hasil daripada kerjasama MARA dengan agensi lain.

Hasil kerjasama ini telah wujud MRSM Terendak iaitu Kerjasama dengan Kementerian Pertahanan (ATM), MRSM PDRM Kulim dengan Kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), MRSM YT Besut (Kerjasama dengan Yayasan Terengganu yang kini telah tamat tempoh kerjasama) dan MRSM FELDA (Kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)].

14. Jalinan kerjasama seperti ini merupakan satu bentuk platform strategi yang unik dan dinamik untuk membangunkan dan memantau inisiatif yang berimpak tinggi, kos yang rendah dan boleh dilaksanakan dengan pantas dan mapan dan ini adalah selari dengan konsep *National Blue Ocean Strategy* (NBOS).

15. MRSM IMTIAZ YT KETENGAH ini merupakan MRSM pertama dan perintis yang melaksanakan Program Khas Pendidikan (PKP) Sains Keusahawanan. MRSM PKP atau dikenali sebagai MRSM Bitara ini merupakan satu gerak usaha yang strategik dalam mempertingkatkan keberkesanan dan produktiviti MRSM sebagai pusat pembangunan insan dan sumber manusia Bumiputera yang “unggul” dan “berbeza”.

16. Pelajar akan didedahkan dengan pelbagai kemahiran serta didedahkan kepada pengalaman dalam penyelidikan bagi memberi peluang kepada pelajar mengembangkan bakat dan potensi mereka. Dengan tambahan program Sains Keusahawanan yang diperkenalkan di sini akan dapat menambah nilai (*value-added*) sistem pendidikan di MRSM.

17. Strategi ini adalah bertepatan dengan objektif penubuhan MARA iaitu untuk melahirkan modal insan global dan berintegriti selain dapat membangunkan usahawan global yang berjaya, berinovatif, berdaya tahan dan berdaya saing dan seterusnya dapat menyumbang kepada penyediaan sebuah negara maju selain dapat melahirkan masyarakat berpengetahuan, berteknologi, kreatif yang mampu melakukan inovasi baharu. Ini selaras dengan usia MARA yang baru-baru ini telah menyambut usia Jubli Emasnya.

PERANAN KEMENTERIAN : PEMERKASAAN PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT

18. Dalam menjalankan tanggungjawabnya, pembangunan luar bandar merupakan agenda terpenting kementerian/kerajaan untuk menangani isu-isu kemiskinan dan kemunduran luar bandar. Slogan 'Membandar Luar Bandar' memperlihatkan keseriusan kita ke arah menjayakan hasrat tersebut. Dengan membangunkan kawasan luar bandar pembangunan negara akan lebih seimbang antara bandar dan luar bandar. Kami di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam pelbagai bidang iaitu ekonomi, pendidikan, prasarana, ICT dan kesejahteraan rakyat dalam mencapai matlamat seperti yang dihasratkan.

19. Kita memfokuskan kepada pembangunan manusia dan usahawan bagi memastikan negara mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi. Dengan pembinaan MRSM di kawasan ini secara tidak langsung akan dapat meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat dan kawasan sekitarnya tambahan pula MRSM ini menawarkan program Sains Keusahawanan dan kita harap strategi ini akan membuka laluan kerjaya melalui peluang ekonomi di kawasan sekitarnya.

20. Teras strategik RMKe-11 telah dirangka dengan mengambil kira keperluan antaranya mengukuhkan struktur ekonomi, meningkatkan pendapatan isi rumah dan memastikan kesejahteraan dan perpaduan rakyat sentiasa terpelihara bagi membolehkan negara mencapai objektif pembangunannya menjelang tahun 2020. RMK-11 akan melaksanakan pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau Malaysia National Development Strategik (MyNDS) yang berasaskan ekonomi berteraskan rakyat (*people economy*) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berasaskan modal (*capital economy*) yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi.

21. Strategi ini memberi keutamaan kepada inisiatif yang mempunyai impak tinggi dan boleh dilaksanakan segera dengan kos yang rendah (*high impact, fast execution and low*

cost). Oleh itu, kita dikehendaki merancang projek yang dapat menyumbang kepada pencapaian *outcome* nasional.

22. Dalam **Membangun Modal Insan (Teras ketiga)** kita perlu memastikan transformasi sistem pendidikan kita ke arah melahirkan lebih ramai tenaga kerja profesional dan berkemahiran tinggi yang memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dalam ekonomi berpendapatan tinggi, meningkatkan kualiti dan produktiviti berteraskan *outcome*. Selaras dengan pendekatan MyNDS dan bagi mengukuhkan pencapaian *outcome*, kita hendaklah merancang projek pembangunan yang berimpak tinggi, kos yang rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat.

23. Saya percaya dengan pembukaan MRSM IMTIAZ YT KETENGAH ini akan memberi impak yang besar kepada rakyat (*people economy*) dan pertumbuhan ekonomi (*capital economy*)

24. Dengan perkembangan dunia semasa yang serba kompetitif dengan ledakan teknologi maklumat, perubahan persekitaran, perkembangan pemikiran masyarakat dan pelajar telah menuntut komitmen tinggi daripada warga pendidik yang kadang kala mencabar kewibawaan mereka. Bahkan selain daripada memastikan pelajar mencapai kejayaan cemerlang dalam setiap peperiksaan, guru juga berperanan bagi membentuk pelajar agar mempunyai sahsiah diri yang tinggi dan keterampilan terpuji. Sebenarnya ini bukanlah tugas warga pendidik semata-mata, tetapi adalah tanggungjawab kita bersama.

25. Sehubungan itu, peranan ibu bapa, para pemimpin, pentadbiran sekolah, pelajar itu sendiri dan masyarakat secara keseluruhannya perlu digembleng demi memastikan amanah dan tanggungjawab membentuk generasi masa hadapan yang benar-benar cemerlang dari segenap aspek kehidupan. Oleh itu, semua pelajar perlu menanam azam dan iltizam untuk meningkatkan kesungguhan, ketekunan dan bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah sebagai pelajar yang berdedikasi dan cemerlang seterusnya membuktikan kejayaan anda yang juga merupakan kejayaan MARA secara keseluruhan.

PENUTUP

26. Akhir kata, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd Rahman, atas sokongan dan jalinan kerjasama ini sehingga tertubuhnya MRSM IMTIAZ YT KETENGAH ini. Terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama MARA dalam merealisasikan penubuhan MRSM ini terutamanya kepada pemimpin-pemimpin tempatan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, Yayasan Terengganu dan Jawatankuasa Pengelola Majlis Perasmian ini.

27. Semoga penganjuran majlis ini akan menjadi pencetus semangat kepada para pelajar untuk lebih berjaya dan menjadikan MRSM IMTIAZ YT KETENGAH ini terus unggul sebagai pemacu kecemerlangan pendidikan dan demi memperteguhkan hasrat MARA dalam melahirkan modal insan dan usahawan yang profesional dan berpengetahuan.

Sekian, terima kasih.